

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 11 / 6 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 20 | RUANGAN | Nasional |

Arab Saudi positif kekal kuota haji

Mahu jaminan perhimpunan BERSIH tidak berlaku lagi

KOTA KINABALU: Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata hasil pertemuananya dengan Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud Al Faisal baru-baru ini memberi gambaran positif kuota haji Malaysia tidak terjejas susulan ekoran perhimpunan BERSIH 3.0 di Masjid Nabawi, Madinah dan Masjidil Haram, Mekah pada 26 April lalu.

Katanya, pada pertemuan itu, beliau menerangkan perkara sebenar berhubung kejadian perhimpunan itu yang bukan menjadi amalan budaya rakyat di negara ini.

"Perkempenan itu menunjukkan perkhabaran positif dan saya percaya melalui hubungan baik Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) dengan Raja Arab Saudi (Raja Abdullah) dan hubungan akrab saya dengan Menteri Luar Arab Saudi kuota (haji) tidak terjejas.

"Mereka juga mahu jaminan perkara itu (perhimpunan) tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang," katanya selepas menghadiri makan malam bersama pesara kerajaan di kawasan Parlimen Kimanis, malam tadi.

Kerajaan Arab Saudi sebelum ini dilaporkan sedang

membuat pertimbangan sama ada untuk mengenakan sekatan atau menggantung jemaah haji dan umrah dari Malaysia berikutan insiden perhimpunan haram di kedua-dua masjid suci itu pada 26 April lalu.

Anifah berharap kuota rakyat Malaysia untuk menunaikan haji pada tahun ini tidak akan terjejas susulan insiden yang mengundang perhatian serius daripada Kerajaan Arab Saudi itu.

Katanya, jika kuota tahun ini terjejas ia akan memberi kesan pada tahun akan datang seperti yang berlaku pada Iran yang digantung selama tiga tahun kerana mengadakan demonstrasi di negara itu.

Beliau percaya kerajaan Arab Saudi tidak akan berbuat sedemikian kerana mereka pernah memuji rakyat Malaysia jemaah yang terbaik.

Terdahulu ketika berucap, Anifah berkata rakyat di negara ini khususnya Sabah perlu menolak dakyah pihak tertentu terutama pembangkang, sebaliknya menyokong kepimpinan transformasi Perdana Menteri yang berjaya memakmurkan negara ini. — BERNAMA